



## PENGUMUMAN

**KEPADА PELAJAR DIPLOMA SEMESTER 1 DAN PELAJAR FOUNDATION**

**KPTM BANGI**

### **PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)**

1. Berdasarkan perkembangan terkini, mulai 12 Oktober 2020 proses PdP akan dijalankan secara online sepenuhnya. Pelajar boleh mengikuti mod PdP secara online sama ada di asrama atau di rumah masing-masing. Walaubagaimanapun, pelajar tidak dibenarkan pulang jika kawasan tempat tinggal dikenalpasti sebagai ZON MERAH.
2. Pelajar dari kawasan ZON MERAH dibenarkan tinggal di asrama. Namun begitu, pelajar dikehendaki mendapatkan kebenaran pihak kolej untuk urusan berkenaan. Pelajar dari kawasan ZON MERAH hanya dibenarkan pulang ke kediaman masing-masing setelah dibenarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).
3. Pelajar adalah digalakkan mengambil Peperiksaan Akhir secara online di rumah atau di kediaman masing-masing. Walaubagaimanapun, pelajar Semester 1 dan Foundation dibenarkan pulang ke kampus untuk mengambil Peperiksaan Akhir secara online di kampus dengan syarat pelajar tidak berasal atau datang dari kawasan ZON MERAH.
4. Pelajar yang menjalani kursus/projek melibatkan praktikal/latihan amali dibenarkan pulang ke kampus dengan mematuhi SOP yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

**PENGURUSAN KPTM BANGI**

**10 OKTOBER 2020**